

**FAQs**  
**PUSAT TAFAQQUH FI AL-DIN TOK SYEIKH DUYONG**

- Soalan 1 : Berapakah tempoh pengajian di Pusat Tafaqquh?  
Jawapan : 2 tahun 6 bulan (4 semester).
- Soalan 2 : Di manakah tempat pengajian Pusat Tafaqquh?  
Jawapan : Tempat pengajian sementara di Masjid Seberang Takir, Kuala Nerus manakala tempat pengajian kekal di Kampung Ilmu Tok Syeikh Duyong Pusat Tafaqquh Fi al-Din, Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man.
- Soalan 3 : Adakah para pelajar wajib tinggal di asrama?  
Jawapan : Ya, para pelajar wajib tinggal di asrama.
- Soalan 4 : Apakah yuran-yuran yang perlu dibayar?  
Jawapan : Yuran pengajian, penginapan asrama dan makan minum adalah percuma.
- Soalan 5 : Adakah pelajar perlu membeli kitab?  
Jawapan : Ya, para pelajar perlu membeli kitab mengikut senarai kurikulum.
- Soalan 6 : Adakah pelajar perempuan boleh mengikuti pengajian di Pusat Tafaqquh?  
Jawapan : Ya, tetapi pengambilan kali ini masih mengutamakan pelajar lelaki sahaja.
- Soalan 7 : Adakah pelajar Pusat Tafaqquh perlu memiliki sijil SPM?  
Jawapan : Pelajar Pusat Tafaqquh perlu memiliki apa-apa sijil tertinggi yang pernah diambil samada di institusi kerajaan atau persendirian.
- Soalan 8 : Adakah pelajar Pusat Tafaqquh mendapat biasiswa?  
Jawapan : Ya, hanya untuk pelajar berkerakyatan Terengganu sebanyak RM50 sebulan.
- Soalan 9 : Berapakah umur kelayakan bagi pelajar Pusat Tafaqquh?  
Jawapan : Bermula umur 18 – 25 tahun.
- Soalan 10 : Adakah pengajian di Pusat Tafaqquh dalam Bahasa Arab?  
Jawapan : Pusat Tafaqquh menggunakan kitab turath dalam Bahasa Arab.
- Soalan 11 : Adakah Pusat Tafaqquh berdaftar di bawah institusi negeri?  
Jawapan : Ya, Pusat Tafaqquh berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) serta di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT).
- Soalan 12 : Berapakah jumlah kitab yang akan dipelajari?  
Jawapan : 33 buah kitab untuk 4 semester.
- Soalan 13 : Bagaimanakah proses pengambilan pelajar?  
Jawapan : Iklan permohonan akan dibuka pada **13 Februari 2024 hingga 13 Mac 2024**, temuduga pada **20 Mac 2024** dan pendaftaran pada **5 Mei 2024** (tertakluk kepada sebarang perubahan tarikh).
- Soalan 14 : Kemanakah lepasan pelajar Pusat Tafaqquh akan menyambung pengajian?  
Jawapan : Pelajar berpeluang menyambung pengajian syariah (turath) di Mesir.